



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TAHAP PENGETAHUAN GURU DAN SOKONGAN PENTADBIR DALAM PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DI DAERAH KLANG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SUHAILA BINTI MUNER

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TAHAP PENGETAHUAN GURU DAN SOKONGAN PENTADBIR
TERHADAP PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK
DARJAH DI DAERAH KLANG**

SUHAILA BINTI MUNER



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ...15.....(hari bulan)... SEPTEMBER (bulan) 2022.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, Suhaila binti Muner M20181001040 Fakulti Pembangunan Manusia dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Tahap Pengetahuan Guru dan Sokongan Pentadbir Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di Daerah Klang adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Mazarul Hasan bin Mohamad Hanapi dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Tahap Pengetahuan Guru dan Sokongan Pentadbir Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di Daerah Klang dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Sekolah Rendah)

15 SEPT 2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia




UPSPGS-300 31
Page : 01 m/s 1/1INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORMTajuk / Title: TAHAP PENGETAHUAN GURU DAN SOKONGAN PENTADBIR TERHADAP
PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DI DAERAH KLANGNo. Matrik / Matric's No.: M20181001040

Saya / I: SUHAILA BINTI MUNER
 mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan
 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan
 seperti berikut:- *acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the
 right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI. *The thesis is the property of
 Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran
 antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
 kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta
 Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official
 Secret Act 1972**TERHAD/RESTRICTED**Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
 organisasi/badan di mana penyelidikan ini dilaksanakan. / Contains
 restricted information as specified by the organization where research
 was done.**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 26 SEPT 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkaitan organisasi berkenaan
 dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and
 reasons for confidentiality or restriction*





PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur ke atas Ilahi kerana hanya dengan izinNya saya dapat menyelesaikan disertasi ini. Dengan penuh syukur juga saya ucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia yang banyak membantu iaitu Dr. Mazarul Hasan bin Mohamad Hanapi. Tanpa bantuan, bimbingan dan tunjuk ajar darinya saya pasti saya masih belum mampu mengakhiri tujuan kajian ini. Didikan yang diberi akan jadikan panduan jika ingin meneruskan pengajian saya di peringkat yang lebih tinggi. Ucapan terima kasih juga kepada pihak PPD Klang, guru besar sekolah daerah Klang atas kerjasama yang diberi semasa kajian dijalankan. Terima kasih juga kepada guru besar di sekolah tempat saya mengajar sendiri iaitu En Hamidi bin Shariff kerana memberi galakan dan peluang untuk saya menyambung pelajaran. Juga paling penting, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami iaitu Encik Ambry bin Ramlie kerana memberi keizinan kepada saya menimba ilmu. Terima kasih juga kepada ibu saya iaitu Puan Ramlah bt Alias atas redha dan doanya saya terus berjaya. Akhir sekali ucapan terima kasih juga buat adik beradik, rakan-rakan dan warga SK Kampung Idaman serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha membantu menyiapkan kajian ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan guru dan tahap sokongan pentadbir terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Selain itu, kajian juga untuk mengenal pasti perbezaan antara pengetahuan guru dengan tempoh perkhidmatan serta melihat hubungkait antara pengetahuan dan tahap sokongan pentadbir terhadap pelaksanaan PBD di daerah Klang. Pendekatan secara kuantitatif digunakan melalui soal selidik ke atas 500 orang guru sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan. Kaedah pensampelan rawak berstrata mengikut nisbah dilaksanakan bagi mendapat bilangan antara murid yang seimbang. Kajian menggunakan analisis deskriptif terhadap tahap pengetahuan guru dan sokongan pentadbir. Analisis variasi *Anova* sehala pula digunakan untuk mengenal pasti perbezaan antara tahap pengetahuan dengan tempoh perkhidmatan dan analisis inferensi korelasi untuk mencari hubung kait antara dua pemboleh ubah. Hasil kajian mendapat tahap pengetahuan guru adalah tinggi terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah iaitu ($\text{min} = 4.352$, $\text{SP} = 0.454$). Nilai min keseluruhan bagi tahap sokongan pula ialah ($\text{min} = 4.197$, $\text{SP} = 0.546$). Keputusan ujian *Anova* sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tempoh perkhidmatan melalui Eta kuasa dua iaitu sebanyak 0.025. Nilai korelasi menunjukkan hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah iaitu $r_{(500)}=0.730$, $p=0.00$ ($p<0.01$). Nilai korelasi sokongan pentadbir dengan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah mendapat hubungan yang signifikan iaitu $r_{(500)}=0.730$, $p=0.00$ ($p<0.01$). Kesimpulannya, pengetahuan dan sokongan pentadbir merupakan aspek penting dalam menjamin pelaksanaan PBD. Implikasi kajian menunjukkan tahap pengetahuan dan sokongan pentadbir yang tinggi dilihat dapat membantu guru melaksanakan PBD dengan lebih baik. Kajian terhadap pelaksanaan PBD atas talian perlu dilaksanakan untuk melihat tahap pengetahuan guru yang lebih meluas.





LEVEL OF KNOWLEDGE OF TEACHERS AND ADMINISTRATIVE SUPPORT ON THE IMPLEMENTATION OF CLASSROOM ASSESSMENT IN KLANG DISTRICT

ABSTRACT

The purpose of this study is to determine the level of teacher's knowledge and the level of administrator's support on Classroom Assessment (PBD) implementation. In addition, this study is also identify the differences between teachers' knowledge and length of service as well as to see the relationship between knowledge and level of administrator's support on the implementation of PBD in Klang district. A quantitative data collection approach was used through questionnaire involving 500 teachers from national and national type schools. Stratified random sampling method according to ratio was implemented to obtain a balanced number of students. The study used descriptive analysis of teacher's knowledge level and administrator's support, one -way anova variation analysis to identify differences between knowledge level with length of service and correlation inferential analysis to find correlation between two variables. The results of the study found that the level of teacher's knowledge is high on the implementation of Classroom Assessment (mean = 4.352, SP 0.454). The overall mean value of the support level is (mean = 4.197, SP 0.546). The results of one -way Anova test showed that there was a significant difference between the level of knowledge and the length of service through Eta Squared which was 0.025. The correlation value showed a significant relationship between knowledge and the implementation of Classroom Assessment that is $r_{(500)} = 0.730$, $p=0.00$ ($p<0.01$). The correlation value of administrator support and the implementation of Classroom Assessment found a significant relationship that is $r_{(500)} = 0.730$, $p=0.00$ ($p < 0.01$). In conclusion, the knowledge and support of the administrators is an important aspect in ensuring the implementation of PBD. The implications of the study show that a high level of knowledge and support of administrators is seen to help teacher's implement PBD better. The findings suggest for further research on the implementation of PBD via online to look the broader level of teacher's knowledge.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Persoalan Kajian	11
1.6	Hipotesis Kajian	12
1.7	Kerangka Konseptual	12
1.8	Kepentingan Kajian	15
1.9	Batasan Kajian	16





1.10	Definisi Operasional/ Istilah	17
1.10.1	Pentaksiran Bilik Darjah	17
1.10.2	Pengetahuan	18
1.10.3	Pelaksanaan	18
1.10.4	Sokongan Pentadbir	19
1.10.5	Perkhidmatan	20
1.11	Kesimpulan	20

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	22
2.2	Sejarah Perkembangan Kurikulum	22
2.3	Pentaksiran, Pengukuran, Penilaian dan pengujian	25
2.4	Pelaksanaan PBS	27
2.5	Pelaksanaan PBD	31
2.6	Teori Pengetahuan Dalam PBD	35
2.6.1	Teori Shulman	35
2.6.2	Teori Kepimpinan Informasional	37
2.7	Kajian Lepas Berkaitan PBD	39
2.7.1	Tahap Pengetahuan Pelaksanaan PBD	39
2.7.2	Sokongan Pentadbir Terhadap Pelaksanaan PBD	42
2.7.3	Perbezaan Pengetahuan dengan Tempoh Perkhidmatan	45
2.8	Kesimpulan	49





BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	50
3.2	Reka bentuk kajian	51
	3.2.1 Carta Alir	52
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	54
	3.3.1 Profil Asas Sampel	57
3.4	Kaedah dan Instrumen Pengumpulan Data	59
	3.4.1 Bahagian A: Demografi Guru	61
	3.4.2 Bahagian B : Pengetahuan Guru	61
	3.4.3. Bahagian C: Sokongan Pentadbir	63
	3.4.4. Bahagian D : Pelaksanaan PBD	64
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	65
	3.5.1 Kesahan Muka	66
	3.5.2 Kesahan Kandungan	67
	3.5.3 Kebolehpercayaan Instrumen	67
3.6	Kajian Rintis	68
3.7	Prosedur Kajian	69
3.8	Analisis Data	71
	3.8.1 Analisis Statistik Deskriptif	71
	3.8.2 Analisa Variasi (Anova sehala)	73
	3.8.3 Analisis Inferensi (Korelasi)	74
3.9	Kesimpulan	75



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	76
4.2	Analisis Bahagian Demografi	77
4.3	Analisis Persoalan Kajian 1	84
4.4	Analisis Persoalan Kajian 2	88
4.5	Analisis Persoalan Kajian 3	92
4.6	Analisis Persoalan Kajian 4	94
4.7	Analisis Persoalan Kajian 5	95
4.8	Kesimpulan	96

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	99
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	99
5.3	Kesimpulan Kajian	106
5.4	Implikasi Kajian	107
5.5	Limitasi Kajian	108
5.6	Cadangan Penyelidikan	109
5.7	Rumusan	111
	RUJUKAN	112
	LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Data Pencapaian Murid Tahun Satu Belum Mencapai Tahap Minimum PBD	5
3.1 Bilangan Guru Sekolah Rendah Negeri Selangor Mengikut Daerah	55
3.2 Bilangan Sekolah dan Guru Melebihi 100 Orang	57
3.3 Pengujian Statistik Untuk Menjawab Persoalan	58
3.4 Kandungan Item Kajian.	60
3.5 Tahap dan Nilai Skor	62
3.6 Instrumen Pengetahuan Guru Terhadap PBD	62
3.7 Instrumen Sokongan Pentadbiran Terhadap Pelaksanaan PBD	63
3.8 Instrumen Pelaksanaan PBD	64
3.9 Cronbach Julat Pekali Alpha	68
3.10 Interpretasi Skor Min Tahap Pengetahuan Guru Terhadap PBD	72
3.11 Interpretasi Skor Min Tahap Sokongan Pentadbir Terhadap PBD	72
3.12 Perbandingan Antara Kekuatan Hubungan dengan Korelasi R	75
4.1 Taburan Jenis Sekolah	78
4.2 Taburan Jantina Responden	79
4.3 Taburan Kelulusan Iktisas Responden	80
4.4 Taburan Panitia Mata Pelajaran Responden	81
4.5 Taburan Tempoh Perkhidmatan Terhadap Mata Pelajaran Responden	82
4.6 Taburan Pengalaman Terhadap Mata Pelajaran Responden	83
4.7 Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Pengetahuan Guru	84





4.8	Frekuensi dan Peratusan Keseluruhan Aspek Pengetahuan Guru	87
4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Sokongan Pentadbir	88
4.10	Frekuensi Dan Peratusan Keseluruhan Aspek Sokongan Pentadbir	91
4.11	Taburan Pengetahuan Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan Guru Terhadap Pelaksanaan PBD.	92
4.12	Ujian ANOVA Pengetahuan Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan Guru Terhadap Pelaksanaan PBD	92
4.13	Keputusan Ujian Post Hoc Scheffe Pengetahuan Guru Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan Guru Terhadap Pelaksanaan PBD	93
4.14	Analisis Korelasi Pearson Antara Pengetahuan Guru Dengan Pelaksanaan PBD	94
4.15	Analisis Korelasi Pearson Antara Sokongan Pentadbir Dengan Pelaksanaan PBD	95





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual	13
2.1 Kedudukan Pentaksiran dalam Penilaian dan Pengukuran	26
2.2 Pentaksiran Sebahagian Daripada P&P	27
3.1 Carta Aliran Reka Bentuk Kajian Tinjauan	53
3.2 Gambaran Populasi dan Pensampelan	55





SENARAI SINGKATAN

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
IR4.0	Revolusi Industri 4.0
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPP	Komuniti Pembelajaran Profesional
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
LP	Lembaga Peperiksaan



PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PDPC	Pengajaran Dan Pemudahcaraan
PIPPM	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SISP+	<i>School Improvement Specialist Coaches</i>
STREAM	<i>Science-Technology-Reading-Engineering-Art-Mathematics</i>
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah rendah





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiV

SENARAI LAMPIRAN

- A Halaman Judul
- B Perakuan Keaslian Penulisan
- C Borang Pengesahan Penyerahan Disertasi
- D Pelantikan Panel Pakar Pengesahan Instrumen Kajian
- E Pengesahan Instrumen Kajian
- F Instrumen Soal Selidik



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Dalam Bab 1 ini, pengkaji akan membincangkan aspek-aspek yang terdapat dalam kajian yang akan dijalankan iaitu Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Penerangan berkaitan latar belakang kajian akan menyentuh tentang hala tuju Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia (PIPPM) berkaitan pentaksiran terhadap murid dan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah. Bab I ini turut membincangkan penyataan masalah dan objektif yang ingin dikenal pasti dalam kajian seperti tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD dan keperluan kekuatan sokongan pentadbir dalam memastikan pelaksanaan PBD di sekolah berjalan dengan baik. Objektif kajian juga untuk melihat sekiranya terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru dengan tempoh perkhidmatan





guru dalam melaksanakan PBD. Selain itu, ia juga bertujuan untuk melihat hubungan antara tahap pengetahuan dengan pelaksanaan PBD dan hubungan antara tahap sokongan dengan pelaksanaan PBD.

Dalam bab ini juga, akan melihat hipotesis kajian dan definisi istilah. Definisi istilah yang digunakan akan merujuk kepada sumber yang didapati melalui kajian dari pengkaji terdahulu. Pengkaji turut menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan untuk memberi gambaran plot kajian. Teori berkaitan kajian turut disertakan oleh pengkaji sebagai panduan supaya kajian ini dapat difahami dengan lebih jelas oleh pengkaji yang ingin menggunakan sebagai rujukan. Seterusnya dalam bab 1 ini, terdapat juga perbincangan mengenai kepentingan kajian yang dijalankan. Kepentingan kajian merujuk kepada kepentingan terhadap murid, guru, sekolah dan ibu bapa. Bab 1 diakhiri dengan kesimpulan dari pengkaji tentang keseluruhan bab 1 yang telah dibentangkan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada masa kini, pendidikan telah menjadi salah satu cabang yang terdapat dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Keperluan pendidikan tidak dipandang sebagai hak asasi manusia semata-mata, malah menjadi faktor penting dalam perkembangan ekonomi (Rancangan Malaysia kesepuluh : 2011- 2015). Laporan Forum Ekonomi Dunia (2017) menyatakan bahawa pekerjaan berlandaskan bidang *Science-Technology-Reading-Engineering-Art-Mathematics* (STREAM) menjadi pilihan bagi 65 peratus kanak-kanak dari sekolah rendah. Ini memberi gambaran awal





kepada guru bahawa murid sudah bersedia menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dalam dunia alaf baru yang memerlukan perkembangan murid secara holistik.

Perkembangan murid secara holistik tidak akan tercapai sekiranya pengajaran yang diterima hanya berfokus kepada peperiksaan semata-mata. Kenyataan ini dipersetujui Datuk Dr. Amin bin Senin (Mantan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia). Kenyataan beliau dalam Berita Harian, menyatakan bahawa kaedah peperiksaan akan menyebabkan pembelajaran dalam bilik darjah semakin tidak berfokus. Murid perlu diberi peluang untuk lebih aktif di sekolah. Penglibatan murid dalam pelbagai aspek perlu diberi keutamaan untuk membentuk pemikiran mereka yang lebih rasional. Tahap perkembangan murid, dapat dilihat melalui aktiviti-aktiviti yang dilakukan. Guru perlu mentaksir dan mengklasifikasikan perkembangan mereka dari segala aspek kerana kecemerlangan murid dalam bidang akademik bukanlah kayu pengukur kejayaan mereka.

.....pelajar yang cemerlang, adalah juga cemerlang pada akhlak dan tingkah lakunya dan seimbang pada kehidupannya...

Dato' Dr. Haji Fadzilah Kamsah

Menyedari hakikat itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia 2006-2010 (PIPPM 2006-2010) dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah mengubah sistem penilaian kepada pentaksiran.





Pentaksiran merupakan suatu proses untuk mendapatkan maklumat. Ia kemudian disusuli dengan membuat penghakiman dan perbandingan tentang produk suatu proses Dr. Hjh. Maridah binti Alias, (2013). Berdasarkan pandangan yang diberi, pengkaji berpendapat pentaksiran dalam pendidikan merupakan proses berterusan untuk menginterpretasi maklumat yang diperolehi semasa dan selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk membuat perancangan yang seterusnya. Setiap murid mempunyai minat dan kecenderungan yang berbeza-beza. Oleh itu, pentaksiran dapat membantu guru meletakkan murid pada tahap yang sebenar dan membantu murid mengetahui tahap mereka yang sebenar.

Dalam buku bertajuk Melangkah Ke Hadapan : Fokus dan Gerak Kerja KPPM 2018, menyatakan bahawa pentaksiran yang dijalankan di peringkat sekolah rendah

Manakala di peringkat menengah pula, ia dapat membantu guru untuk memperkembangkan bakat, kecenderungan serta potensi murid tersebut. Justeru, pentaksiran perlu dijalankan secara holistik dan telus untuk kemenjadian murid. Aspek kemenjadian murid diberi penekanan dalam pelaksanaan PBD. Ini kerana, melalui pentaksiran murid mampu menujukkan perubahan dalam pembelajaran (Sidhu, Kaur & Chi, 2018). Oleh itu, pengetahuan yang mendalam dalam melaksanakan pentaksiran perlu dimiliki oleh guru.





1.3 Penyataan Masalah

PBD ialah nama baharu yang menggantikan pentaksiran sekolah (PS) dalam PBS.

Konsep dan pelaksanaan dalam PBD masih menggunakan konsep PS. Kerajaan melihat PBD sebagai pemangkin kepada perkembangan murid secara holistik sehingga memutuskan agar PBD dijalankan sepenuhnya. Namun, berdasarkan data pencapaian PBD yang dikeluarkan oleh PPD Klang seperti pada jadual 1.1 menunjukkan berlaku peningkatan peratus murid tahun satu yang belum mencapai tahap minimum. Pada pandangan pengkaji, peningkatan ini tidak sepatutnya berlaku memandangkan kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan PBD sepenuhnya. Peningkatan peratus murid tahun satu yang belum mencapai tahap minimum mungkin kerana guru masih kurang berpengetahuan dalam melaksanakan PBD. Oleh itu, melalui dapatan kajian ini, kita

dapat mengetahui tahap pengetahuan guru dan seterusnya menilai sama ada tindakan untuk melaksanakan PBD secara menyeluruh ini dilihat sebagai bersesuaian atau tidak.

Jadual 1.1

Data Pencapaian Murid Tahun Satu Belum Mencapai Tahap Minimum PBD Tahun 1 (2018), Tahun 2 (2019), Tahun 3 (2020)

JENIS SEKOLAH	TAHUN	BIL MURID KESELURUHAN	TP 1	TP 2	TP 1 + TP 2	%
SK	2018 (1)	10146	1279	5146	6417	63.24
	2019 (2)	10216	326	2992	3315	32.44
	2020 (3)	9972	1284	5841	7025	70.44
SJK (C)	2018 (1)	4047	191	1239	1380	34.09
	2019 (2)	4180	223	1174	1397	33.42
	2020 (3)	4119	284	1550	1834	44.52
SJK (T)	2018 (1)	1194	83	539	638	53.43
	2019 (2)	1290	43	338	381	29.53
	2020 (3)	1286	60	405	465	36.15

Sumber dari Pejabat Pendidikan Daerah Klang, (2020)





Dapatan kajian Tan Jia Yuh, (2020) seiring dengan dapatan kajian Puteri Rothiah binti Megat Yahaya, (2018). Mereka mendapati bahawa sebahagian guru masih kurang pengetahuan dalam melaksanakan PBD. Guru kurang pengetahuan dalam aspek membina item pentaksiran. Mereka menjurus kepada mengambil soalan-soalan yang terdapat pada buku latihan atau contoh-contoh soalan lepas sebagai instrumen pentaksiran. Ini memberi gambaran bahawa guru masih lagi terikat dengan sistem peperiksaan. Kajian Halimah Jamil dan Rozita Radhiah Said, (2019) mendapati dua daripada tujuh orang guru kurang pengetahuan dalam memberi penskoran secara lisan. Guru memberi penskoran secara purata dan bukannya individu. Penentuan tahap penguasaan murid akan menjadi tidak adil jika mereka ditaksir secara purata. Tindakan ini juga menunjukkan mereka tidak mengikut Panduan Pelaksanaan PBD yang ditetapkan.



Panduan Pelaksanaan PBD menunjukkan pentaksiran boleh dilakukan melalui aktiviti dalam kelas. Melalui aktiviti yang dijalankan, guru dapat membentuk pengalaman dalam hidup murid. Murid juga akan merasa seronok untuk melibatkan diri secara aktif. Aktiviti sumbangsaran akan berlaku dan seterusnya dapat membantu perubahan tingkah laku yang dijalankan semasa latihan bersifat amali seperti lakonan dan permainan. Pemerhatian guru semasa aktiviti dijalankan boleh membantu memberi maklumat untuk mentaksir murid secara formatif. Namun, kajian Mohd Azhar dan Sharir, (2007) mendapati guru tidak tahu menggunakan teknik sumbangsaran sebagai pentaksiran formatif. Kajian dari Rednawati, Hadi dan Nugraha, (2016) turut mendapati guru menggunakan soal jawab hanya untuk teknik pengajaran dan bukan sebagai pentaksiran. Kekurangan pengetahuan untuk menggabungkan pentaksiran dalam PBD mengakibatkan pentaksiran dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran tidak dijalankan



secara serentak. Kajian oleh Kalai Selvan Arumugham, (2019) merumuskan guru di Malaysia perlu bijak memikirkan cara untuk mengintegrasikan pentaksiran formatif dalam PBD.

Dapatan kajian dari Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, (2020) pula mendapati bahawa, masih terdapat guru yang kurang berpengetahuan dalam menguruskan ujian mengikut tahap pentaksiran yang telah ditetapkan dalam DSKP. DSKP dibekalkan kepada guru untuk membimbing pelaksanaan PBD, namun tanpa pengetahuan terhadap isi kandungan DSKP ia tidak mampu membantu guru melaksanakan PBD terutama bagi guru yang mengajar bukan mengikut opsyen (Ali & Veloo, 2017).



Namun, masih terdapat segelintir guru yang belum menguasai pengetahuan terhadap pelaksanaan PBD sepenuhnya. SH Hauzimah juga mendapati pelaksanaan PBD terlalu banyak cabaran sehingga menyukarkan keberkesanan pelaksanaannya. Antara cabarannya ialah terlalu banyak topik yang perlu diselesaikan dalam masa yang singkat. Guru perlu berusaha untuk mendapatkan pengetahuan dalam melaksanakan PBD. Ini dapat memastikan guru telah bersedia untuk pelaksanaan PBD. Usaha untuk melakukan sesuatu pasti akan berjaya sekiranya mempunyai pengetahuan (Muhammad Adnan bin Pitcan, 2017). Oleh itu, guru perlu mempunyai pengetahuan untuk memastikan pelaksanaan PBD dilaksanakan dengan baik.



Antara pengetahuan yang guru perlu ada untuk melaksanakan PBD ialah pengetahuan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran (pdpc), pengetahuan guru dalam menetapkan TP murid mengikut perkembangan mereka, pengetahuan guru bahawa PBD perlu dilaksanakan semasa Pdpc, pengetahuan guru bahawa PBD dijalankan secara berterusan, pengetahuan guru bahawa aktiviti yang dijalankan dalam kelas merupakan sebahagian daripada PBD, pengetahuan guru bahawa penilaian kendiri adalah antara kaedah PBD, pengetahuan guru bahawa pemerhatian dari rakan sebaya murid merupakan antara kaedah PBD, pengetahuan guru bahawa pelaporan PBD perlu dilakukan dua kali setahun, pengetahuan guru bahawa PBD mengukur penguasaan kemahiran dan bukan kandungan mata pelajaran, pengetahuan guru bahawa PBD perlu mengikuti DSKP mata pelajaran tersebut, pengetahuan guru bahawa PBD bukan bertujuan membandingkan pencapaian murid, pengetahuan guru bahawa PBD perlu dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KPM, pengetahuan guru terhadap tiga tujuan PBD, pengetahuan guru bahawa PBD dapat membantu meningkatkan perkembangan murid secara menyeluruh dan pengetahuan guru bahawa pelaksanaan PBD dapat meningkatkan keyakinan kepada guru untuk mentaksir murid. Di sekolah, pentadbir bertanggungjawab memberi pengetahuan kepada semua guru.

Pentadbir berperanan dalam menyebarkan maklumat dan memberi pendedahan berkaitan PBD kepada semua guru. Autonomi yang diberi kepada sekolah melalui pentadbir dalam melaksanakan PBD perlu digunakan sebaiknya. Latihan, bengkel atau seminar merupakan contoh sokongan pentadbir kepada guru. Pengetahuan guru dapat ditingkatkan melalui latihan dan bengkel Soffina Hassan, (2018). Sokongan juga boleh melalui pemantauan dan penyeliaan. Kajian oleh Mohd Faizal bin Mohd Yunus, (2017)





mendapati penyeliaan pentadbir sekolah dalam memastikan pelaksanaan PBS berada di tahap sederhana. Pentadbir sepatutnya tidak melepaskan guru untuk melaksanakan tugas tanpa pemantauan. Sokongan pentadbir merupakan aspek yang penting dalam setiap program. Sekolah akan dapat melaksanakan sesuatu program dengan jaya jika pentadbir sentiasa memberi sokongan kepada guru-guru Nursyafina Saffie, Aida Hanim Ghazali Darusalam (2018). Yusof bin Boon & Mohd Musa bin Shaharuddin dalam kajiananya berkaitan Kepimpinan Guru Besar Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Sekolah Kebangsaan Daerah Kota Tinggi Johor, mendapati pelaksanaan PBD di sekolah itu dapat dijalankan dengan baik kerana disokong oleh Guru Besar.

Sokongan pentadbir juga boleh dilihat dari segi keprihatinan. Pentadbir perlu

lebih prihatin terhadap pengagihan tugas. Guru yang terlalu memegang banyak jawatan tidak dapat melaksanakan PBD dengan baik. Latihan atau kursus perlu diberi kepada semua guru tanpa membataskan tempoh penjawatan. Ini bagi memastikan semua guru cakna terhadap pelaksanaan PBD. Kajian Suah et al. (2010) mendapati ada kalangan guru yang masih belum mengikuti kursus berkaitan PBS walaupun telah lama mengajar. Program Pembangunan Guru Baharu (PPGB) yang berkonsepkan permentoran bersama guru sedia ada tidak akan dapat membantu perkembangan pengetahuan guru dalam PBD jika guru yang sudah menjawat jawatan lebih lama tidak mempunyai pengetahuan yang lebih banyak.

Guru baharu atau guru yang telah lama berkhidmat perlu ambil cakna dengan perubahan dunia pendidikan. Ravikumar Varatharaj, (2015) berpendapat PBD mampu dilaksanakan dengan baik tanpa mengira perbezaan tempoh perkhidmatan kerana ia





merupakan aspek yang baharu dan perlu diketahui oleh semua guru. Oleh itu, melalui kajian ini, pengkaji akan mengkaji tahap pengetahuan guru terhadap PBD dan sejauh mana guru mendapat sokongan dari pentadbir. Selain itu, pengkaji juga akan melihat perbezaan tahap pengetahuan guru dari aspek tempoh perkhidmatan dalam melaksanakan PBD.

Perubahan demi perubahan yang dilakukan terhadap sistem pentaksiran di Malaysia merupakan usaha kerajaan terhadap kesamarataan pendidikan di peringkat global. Berdasarkan dapatan oleh Halimah Jamil dan Rozita Radhiah Said (2019), Negara seperti Korea Selatan, Amerika Syarikat dan Kanada adalah antara negara yang telah lama mengamalkan pentaksiran dalam sistem pendidikan mereka. Walaupun Malaysia agak kelewatan dalam menjalankan pentaksiran, namun usaha ini seharusnya diterima baik oleh semua pihak demi merealisasikan matlamat negara. Ini berdasarkan kepada konsep pentaksiran itu yang mampu membawa perkembangan murid. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan PBD serta kerjasama dan sokongan yang diberi oleh pentadbir dalam memastikan PBD dilaksanakan mengikut ketetapan KPM.





1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBD.
2. Mengetahui tahap sokongan pentadbir dalam pelaksanaan PBD.
3. Mengenalpasti perbezaan antara tahap pengetahuan guru dengan tempoh perkhidmatan dalam pelaksanaan PBD.
4. Melihat hubungan tahap pengetahuan guru dengan pelaksanaan PBD
5. Melihat hubungan tahap sokongan pentadbir dengan pelaksanaan PBD.



Kajian ini dijalankan untuk menjawab lima persoalan seperti berikut.

1. Apakah tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBD?
2. Sejauh mana tahap sokongan pentadbir dalam pelaksanaan PBD?
3. Adakah terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan guru dengan tempoh perkhidmatan dalam pelaksanaan PBD?
4. Wujudkah hubungan antara tahap pengetahuan guru dengan pelaksanaan PBD?
5. Wujudkah hubungan antara tahap sokongan pentadbir dengan pelaksanaan PBD?





1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif yang diberi, pengkaji telah memberi hipotesis seperti berikut,

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan guru dengan tempoh berkhidmat dalam pelaksanaan PBD.


Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru dengan pelaksanaan PBD.

Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan pentadbir dengan pelaksanaan PBD.



Model kerangka konseptual merupakan panduan dalam menjalankan kajian supaya pengkaji dapat mengetahui hala tuju kajian. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menjadikan demografi, pengetahuan guru dan sokongan pentadbir sebagai tiga pembolehubah yang tidak bersandar.





Rajah 1.1. Kerangka konseptual dalam kajian pengkaji.

Terdapat tujuh item yang perlu dijawab dalam demografi iaitu jenis sekolah, kod sekolah, jantina, kelulusan ikhtisas, Panitia Mata Pelajaran, tempoh perkhidmatan dan pengalaman mata pelajaran tahun semasa yang diajar. Pengkaji akan mengkaji perbezaan antara tahap pengetahuan dengan tempoh perkhidmatan guru. Kajian Che Kamaruddin bin Che Mamat, (2018) mendapati Guskey dan Hubermen (1995) dalam Salmiah Jaba (2013) menyatakan bahawa dalam aspek pengalaman mengajar, terdapat empat tahap pengalaman iaitu satu hingga lima tahun sebagai pengalaman awal, enam hingga 15 tahun sebagai tahap pertumbuhan, 15 tahun dan lebih sebagai tahap matang dan tahap sepenuhnya berfungsi pada pengalaman lebih dari 20 tahun.

Pengkaji pula melihat perbezaan pengetahuan berdasarkan tempoh perkhidmatan guru melalui tiga kategori iaitu dari satu hingga lima tahun sebagai kategori guru baharu, enam hingga 15 tahun sebagai kategori guru sederhana dan 16 tahun ke atas sebagai kategori guru lama. Pengkaji membahagikan tiga kategori perkhidmatan guru dalam kajian ini kerana pentaksiran telah dijalankan dalam tempoh yang lama iaitu sejak tahun 2011. Manakala item pengetahuan yang dimaksudkan oleh



pengkaji ialah pengetahuan guru untuk melaksanakan PBD semasa proses pengajaran dan pembelajaran (pdpc), pengetahuan guru dalam menetapkan TP murid mengikut perkembangan mereka, pengetahuan guru bahawa PBD perlu dilaksanakan semasa Pdpc, pengetahuan guru bahawa PBD dijalankan secara berterusan, pengetahuan guru bahawa aktiviti yang dijalankan dalam kelas merupakan sebahagian daripada PBD, pengetahuan guru bahawa penilaian kendiri adalah antara kaedah PBD, pengetahuan guru bahawa pemerhatian dari rakan sebaya murid merupakan antara kaedah PBD, pengetahuan guru bahawa pelaporan PBD perlu dilakukan dua kali setahun, pengetahuan guru bahawa PBD mengukur penguasaan kemahiran dan bukan kandungan mata pelajaran, pengetahuan guru bahawa PBD perlu mengikuti DSKP mata pelajaran tersebut, pengetahuan guru bahawa PBD bukan bertujuan membandingkan pencapaian murid, pengetahuan guru bahawa PBD perlu dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KPM, pengetahuan guru terhadap tiga tujuan PBD, pengetahuan guru bahawa PBD dapat membantu meningkatkan perkembangan murid secara menyeluruh dan pengetahuan guru bahawa pelaksanaan PBD dapat meningkatkan keyakinan kepada guru untuk mentaksir murid.

Sokongan pentadbir terhadap pelaksanaan PBD pula dilihat dari segi kekerapan pemakluman perkembangan PBD, Pelaksanaan LADAP yang terancang oleh pentadbir, penyediaan peruntukan kewangan atau sumber keperluan lain untuk PBD, kesanggupan pentadbir untuk turut serta dalam memantau pelaksanaan PBD, kewajipan pelaksanaan PBD oleh pentadbir kepada guru-guru, tahap bimbingan dan galakan yang diberi untuk melaksanakan PBD iaitu penggunaan DSKP, penyertaan murid, perkembangan murid, penyediaan carta organisasi, perkongsian idea antara guru





dan pentadbir serta perasaan guru terhadap sokongan pentadbir dalam melaksanakan PBD.

Bagi pemboleh ubah bersandar pula, pengkaji mengkaji pelaksanaan PBD oleh guru semasa proses pdpc, perekodan TP murid, aktiviti permainan secara berkala, aktiviti main peranan secara berkala, aktiviti kuiz secara berkala, aktiviti bercerita secara berkala, aktiviti projek mudah secara berkala, pelaksanaan kaedah penilaian kendiri murid dalam PBD, pelaksanaan kaedah pemerhatian rakan sebaya murid dalam PBD, perubahan strategi oleh guru selepas melihat impak pdpc, pembinaan instrumen pentaksiran sumatif selepas setiap tajuk, pelaksanaan pelaporan dua kali setahun dan pertimbangan profesional dalam menetapkan TP murid.



1.8 Kepentingan kajian

Kajian berkaitan tahap pengetahuan guru dan sokongan pentadbir dalam pelaksanaan PBD adalah penting kepada semua pihak terutama guru. Melalui kajian ini, guru dapat mengetahui sejauh mana tahap pengetahuan mereka terhadap PBD dalam membantu perkembangan murid. Guru juga dapat menilai dan mengetahui keperluan mereka terhadap latihan dan taklimat berkaitan PBD. Selain itu, melalui kajian ini juga semua pihak dapat memahami kepentingan berkolaboratif antara guru baharu dan lama dalam merealisasikan matlamat pendidikan.

Selain kepentingan terhadap guru, kajian ini turut dapat membantu pentadbir khususnya Guru Besar untuk memberi sokongan dan latihan kepada guru-guru. Ia juga





dapat membantu pentadbir merangka perancangan dan menyusun jadual guru dalam memastikan keselesaan guru bekerja. Kajian ini juga dapat membantu KPM, JPN dan PPD untuk menambah baik sistem pentaksiran dengan melihat keperluan-keperluan dalam PBD serta memastikan pelaporan yang diterima dari guru adalah telus dan adil berasaskan kepada pengetahuan guru.

1.9 Batasan kajian

Batasan persekitaran sekolah yang dikaji untuk mengetahui tahap pengetahuan guru dan sokongan pentadbir dalam pelaksanaan PBD meliputi persekitaran daerah Klang.

Untuk mendapatkan kesahan kajian, pengkaji mengecilkan lagi skop kajian melalui

kaedah persampelan rawak berstrata mengikut nisbah. Pensampelan ini dipilih untuk melihat pelaksanaan PBD bagi tiga jenis sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan, Jenis Kebangsaan Cina dan Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Klang. Pengkaji memilih rawak berstrata mengikut nisbah bagi memastikan kadar peratus yang dimiliki antara sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan adalah sama.

Terdapat 93 buah sekolah di Daerah Klang yang terdiri daripada 58 buah Sekolah Kebangsaan (SK), 21 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan 14 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Pengkaji membahagikan 6% bagi setiap tiga jenis aliran sekolah tersebut. Hasilnya, 3.48% buah SK, 1.26% SJK(C) dan 0.84% SJK(T). Oleh itu, pengkaji menggenapkannya menjadi 3 SK, 1 SJK(C) dan 1 SJK(T) yang akan dikaji oleh pengkaji. Selain itu bagi memastikan bilangan guru yang menjawab adalah melebihi 300 orang, pengkaji telah memilih sekolah yang mempunyai bilangan guru





yang ramai untuk mewakili semua guru di Dearah Klang. Batasan kajian tidak menghadkan kepada guru-guru tahap 1 sahaja. Semua guru di sekolah yang terpilih akan terlibat dengan kajian pengkaji. Ini berdasarkan pentaksiran PBD melibatkan semua guru.

1.10 Definisi Operasional /Istilah

Othman Mohammad (1994), menyatakan bahawa tafsiran perlu dinyatakan secara lebih spesifik. Pentafsiran yang lebih spesifik dapat membantu pembaca untuk memahami maksud sebenar yang disampaikan tanpa terdapat kekeliruan. Oleh itu, pengkaji akan menyatakan tafsiran bagi istilah yang digunakan dalam kajian ini.



1.10.1 Pentaksiran Bilik Darjah

Dalam tafsiran David Payne melalui buku terbitannya bertajuk *Applied Educational Assessment* edisi kedua 2003, menyatakan bahawa pentaksiran ialah *integrase* dalam proses mengumpul maklumat untuk memberi nilai kepada maklumat itu seterusnya membuat keputusan berdasarkan nilai yang diberi. Manakala (Mohamad Sahari 2008) memberikan istilah pentaksiran bilik darjah sebagai proses membuat keputusan oleh guru yang mampu meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.

Dalam sudut kajian pengkaji pula, pentaksiran bilik darjah mambawa maksud proses perolehan maklumat berkaitan perkembangan murid secara berterusan dari segi





kemajuan, kebolehan dan pencapaian murid sama ada secara formatif atau sumatif yang diperolehi oleh guru sebagai pentaksir semasa berlangsungnya pengajaran dan pembelajaran. Maklumat yang diterima direkod untuk diberikan kepada murid berdasarkan penilaian setelah berlakunya proses pengukuran dalam tempat murid tersebut menerima pelajaran.

1.10.2 Pengetahuan

Pengetahuan didefinisikan sebagai hasil yang diperolehi setelah melalui proses penerimaan pancaindera terutamanya mata dan telinga terhadap sesuatu. Ia berupaya membentuk perilaku terbuka atau *open behavior* (Donsu 2017). Pengetahuan ialah hasil yang diperolehi melalui ingat semula kejadian yang pernah dilalui sama ada secara sedar atau tidak (Mubarrok, ddk, 2007). Dalam bidang yang dikaji oleh pengkaji pula, pengetahuan ditakrif sebagai perkara-perkara yang diketahui dalam pentaksiran bilik darjah. Melalui pengetahuan ini akan membantu guru melaksanakan PBD dengan lebih baik.

1.10.3 Pelaksanaan

Mazmaniam dan Sebatier (2014), mentafsirkan pelaksanaan sebagai bentuk keputusan undang-undang atau keputusan bagi sesuatu perintah. Dalam konteks kajian pengkaji, pelaksanaan bermaksud perbuatan untuk melakukan, menjalankan atau mengusahakan





proses yang melibatkan pentaksiran bilik darjah bermula dari menjalankan pemerhatian, melakukan aktiviti dan mengusahakan agar tugas terhadap PBD dapat dilakukan.

1.10.4 Sokongan Pentadbir

Sokongan didefinisikan oleh Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), Dewan Bahasa dan Pustaka, sebagai hasil menyokong dan memberi bantuan. Sokongan dan bantuan yang diberi meliputi semua aspek. Pentadbir didefinisikan oleh kamus pelajar edisi kedua sebagai orang yang mentadbir atau mentadbirkan. Ini bermaksud, pentadbir ialah barisan hadapan yang mentadbir pengurusan sekolah.



Dari sudut kajian pengkaji pula, pentadbir bermaksud orang yang berada di bahagian atas menurut hierarki jawatan kuasa sekolah. Pentadbir yang dimaksudkan ialah Guru Besar. Ini kerana dalam penyusunan hierarki jawatankuasa, Guru Besar ialah orang yang berada paling atas yang akan memberi arahan dan memberi kebenaran dalam segala urusan di dalam sekolah. Oleh itu dalam kajian pengkaji, sokongan pentadbir bermaksud segala bentuk bantuan yang diberi oleh Guru Besar kepada guru-guru dalam usaha melaksanakan PBD yang berkesan.





1.10.5 Tempoh Perkhidmatan

Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan tempoh sebagai waktu atau masa. Manakala perkhidmatan bermaksud perihal berkhidmat atau bertugas. Dalam kajian pengkaji pula, tempoh perkhidmatan membawa kepada jangka masa berkhidmat. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji perbezaan tahap pengetahuan guru dengan tempoh masa mereka berkhidmat atau bertugas.

1.11 Kesimpulan

Penerangan dalam bab 1 ini berkisarkan tentang maklumat asas berkaitan hala tuju KPM dalam pelaksanaan PBD. Selain itu, ia turut menyajikan tentang objektif kajian yang menjadi garis panduan terhadap persoalan kajian yang wujud serta permasalahan yang membawa kepada terhasilnya kajian ini.

Berdasarkan bab 1, pengkaji dapat merumuskan bahawa pelaksanaan PBD merupakan suatu perkara yang perlu diambil berat kerana ia merupakan hasrat KPM dalam menghasilkan seorang murid yang berkebolehan, berketrampilan dan berdaya saing serta mempunyai kesimbangan yang holistik seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara. Selain kemenjadian murid, pengetahuan guru dan sokongan pentadbir dalam pelaksanaan PBD turut disifatkan sebagai memangkin kepada kesedaran ibu bapa terhadap perkembangan murid. Pengkaji turut melihat dari perspektif tempoh perkhidmatan supaya pihak PPD, JPN dan KPM dapat merancang taklimat atau





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

21

perbengkelan untuk semua guru dan memastikan semua guru mendapat pendedahan berkaitan PBD.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi